



## KENYATAAN MEDIA

---

### KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL KOMITED PERKASA KESALINGHUBUNGAN DIGITAL DI KEDAH

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) komited dalam memastikan kesalinghubungan digital yang merupakan keperluan asas rakyat untuk terus diperkasa. Komitmen ini telah saya zahirkan semasa Sesi Menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah yang diadakan semalam.

Saya berpuas hati dengan usaha yang dijalankan di Pusat Ekonomi Digital (PEDi) RP Seberang Terus, Alor Setar oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam membantu masyarakat menerusi aktiviti berteraskan ekonomi digital. PEDi akan terus memastikan transformasi ekonomi digital dapat dijayakan mencakupi pelbagai latihan berdasarkan teknologi maklumat.

Saya juga telah merasmikan **Hab Rangkaian Gentian Optik Point of Presence (PoP) Zon Utara** di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Terap, Kuala Nerang. Inisiatif PoP ini akan memberi manfaat kepada penduduk dalam radius 2.5 hingga 3 kilometer menikmati perkhidmatan Internet Jalur Lebar Talian Tetap (JLTT). Penyediaan infrastruktur gentian optik di kawasan sekitar sekolah ini akan mengurangkan kesenjangan digital kepada penduduk setempat malahan akan turut membantu proses pembelajaran dengan capaian Internet yang lebih baik. KKD menerusi SKMM turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan mereka menjadi pengguna Internet yang bijak dan bertanggungjawab.

Saya turut mengumumkan **Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap (Home Internet)** yang menawarkan perkhidmatan dengan kelajuan sehingga 30 Mbps dan data tanpa had berharga hanya RM69.00 sebulan iaitu kadar yang lebih rendah daripada pakej semasa yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan. Pakej ini diharap dapat membantu golongan B40, veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM), pesara Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Orang Kurang Upaya (OKU) serta warga emas. Inisiatif KKD dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan iaitu Telekom Malaysia (TM), CelcomDigi, Maxis dan YTL ini selari dengan konsep ihsan Malaysia MADANI.

Lawatan kerja selama dua hari ini memberikan saya peluang bertemu warga kerja Jabatan dan Agensi KKD Kedah menerusi sesi dialog awam (*town hall*) untuk mendapatkan maklum balas secara terus bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan kementerian.

Bersempena dengan bulan Ramadan ini, saya juga berkesempatan menyantuni dan bersahur bersama-sama penghuni Rumah Anak-Anak Yatim Darul Aitam Walmasakin.

**FAHMI FADZIL**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL**

30 Mac 2023